
MENERAJUI USIA EMAS YANG BERKUALITI: KAJIAN KES DI PONDOK WARGA EMAS, MADRASAH IBNU MAS'UD, SEGAMAT

Arasy bin Masut @ Masod
Commerce Department
Mukah Polytechnic, 96400 Sarawak, Malaysia
Email: arasymasod@gmail.com

Mashitah Abdul Mutalib
Faculty of Syariah and Laws
Islamic Science University of Malaysia,
71800 Negeri Sembilan, Malaysia
Email: mashitahmutalib@gmail.com

ABSTRACT

Golongan warga emas memerlukan rasa selamat, sentiasa berhubung dengan orang lain dan percaya bahawa kehidupan mereka sentiasa bermakna. Keperluan emosi ini sangat penting untuk mengelakkan mereka daripada mengalami kemurungan. Kajian ini melihat pengalaman kehidupan berkualiti yang dirasai penghuni Pondok Warga Emas, Madrasah Ibnu Mas'ud. Institusi ini bermula sejak 2011 dengan tujuan untuk membantu golongan warga emas mengecapi hidup yang berkualiti terutama selepas persaraan mereka. Satu daripada perkhidmatan utamanya ialah menyediakan tempat tinggal yang kondusif kepada warga emas di dalam komuniti yang kecil. Institusi ini menganjurkan pelbagai aktiviti kerohanian untuk mengisi masa penghuninya dengan aktiviti yang berfaedah. Persoalan utama kajian ini adalah untuk mengkaji adakah suasana dan aktiviti di institusi ini membantu golongan warga emas mengecapi hidup yang berkualiti. Kaedah yang digunakan ialah berdasarkan pemerhatian penulis selama tujuh tahun menguruskan institusi ini. Adalah dicadangkan kerajaan perlu menyediakan dan membantu institusi seperti ini kerana ia adalah satu alternatif yang berkesan untuk golongan warga emas mengecapi kehidupan yang lebih berkualiti.

Katakunci: Kualiti hidup, Warga emas, Keperluan emosi, Pondok Warga Emas, Madrasah Ibnu Mas'ud.

INTRODUCTION

Golongan warga emas merupakan golongan yang terhormat di dalam masyarakat. Di Malaysia, warga emas merujuk kepada golongan yang telah bersara bermula sekitar umur 58 atau 60 tahun (Abbas & Saruwono, 2012). Golongan ini sangat berjasa dan tanpa sumbangan mereka, tiadalah kejayaan yang dicapai masyarakat dan negara pada hari ini. Nabi Muhammad SAW memberi panduan yang jelas agar golongan ini sentiasa dihormati seperti hadis baginda yang bermaksud "tiada seorang pemuda yang menghormati dan memuliakan seseorang yang tua usianya melainkan Allah akan menentukan baginya orang lain yang akan menghormati kelak apabila dia pula mencapai usia tua." (Hadis Riwayat At-Tirmizi).

Malaysia seperti kebanyakan negara-negara lain di Asia, bakal menjadi negara menua. Jumlah warga emas di negara kita dijangka meningkat 15 peratus kepada 5.6 juta orang menjelang 2030 (Bernama, 2018) dan dijangka terus meningkat 22 peratus kepada 8.7 juta orang menjelang 2050. Pertambahan ini disebabkan faktor kemudahan kesihatan yang semakin hebat berbanding masa lalu, yang membantu meningkatkan jangka hayat seseorang (Abbas & Saruwono, 2012). Menyedari hakikat ini, kerajaan telah merangka satu dasar yang dikenali sebagai Dasar Warga Emas Negara untuk menghadapi cabaran baru dalam menguruskan golongan warga emas (N. Ibrahim, Mat Saad, & Ahmad Ramly, 2011).

Kejayaan dasar ini tidak boleh hanya bergantung kepada usaha kerajaan semata-mata tetapi sangat berkait rapat dengan keprihatinan semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha untuk membantu kerajaan mencapainya. Kajian ini menampilkan suatu inisiatif yang telah dilakukan oleh Pertubuhan Kebajikan Dan Dakwah Ibnu Mas'ud dalam menyediakan satu platform untuk memperkasa kehidupan warga emas melalui pusat pengajian yang ditubuhkannya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Warga emas memerlukan sokongan emosi dan spiritual selain keperluan fizikal untuk menjamin kehidupan yang bahagia. Untuk memenuhi keperluan ini, sebahagian warga emas telah menjadikan institusi pondok sebagai pilihan mereka. Mendengar perkataan pondok itu sendiri akan menimbulkan persepsi rumah kayu kecil, buruk yang serba daif dengan air telaga tanpa bekalan elektrik. Apabila dikaitkan dengan institusi pengajian pula, pondok adalah satu tradisi ilmu yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu Islam di Nusantara ini (Mohamad Rawi, Baharudin, Lubis, & Romli, 2015). Sepanjang sejarahnya, terlalu besar jasa institusi pondok dalam melahirkan para agamawan di rantau ini. Institusi pondok biasanya diasaskan oleh tokoh agama untuk memberi didikan agama kepada setiap golongan masyarakat bermula dari usia kanak-kanak hinggalah dewasa termasuk golongan warga emas. Di Malaysia, model pusat pengajian agama seperti ini banyak terdapat di negeri-negeri pantai timur dan utara semenanjung Malaysia. Mengambil model institusi pondok ini, sebuah madrasah dikenali sebagai Madrasah Ibnu Mas'ud telah diwujudkan di daerah Segamat, Johor dengan tiga teras utama perkhidmatan. Pertama ialah Pondok Warga Emas untuk golongan warga emas, kedua Pusat Tahfiz untuk pengajian hafazan Al-Quran peringkat kanak-kanak dan ketiga Pusat Pengajian Umum untuk pembelajaran ilmu agama golongan dewasa. Kajian ini akan memberi fokus kepada cabang Pondok Warga Emas untuk menjawab persoalan sama ada suasana dan aktiviti di institusi ini membantu golongan warga emas mengecapi hidup yang berkualiti di penghujung usia mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud dipilih menerusi kaedah persampelan bertujuan iaitu sebagai institusi yang berkhidmat menawarkan pengajian kepada golongan warga emas. Data kajian dikumpul melalui kaedah pemerhatian. Pengkaji melakukan pemerhatian bermula pada tahun 2011 sehingga tahun 2018 selaku pengasas dan pengurus Madrasah Ibnu Mas'ud.

PROFIL PONDOK: TERCETUSNYA IDEA

Pertubuhan Kebajikan Dan Dakwah Ibnu Mas'ud merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan ini didaftarkan pada 14 Jun 2010 dengan nombor pendaftaran 1449-10-JHR. Pada peringkat awalnya, pertubuhan ini dinaungi oleh sebuah lembaga penasihat yang terdiri daripada Datuk Dr Zulkifli Mohammad Al-Bakri (bekas pensyarah USIM), Ustaz Ahmad Fadzli Al-Yamani (pengasas Madrasah Al-Yamani Kuala Lumpur), Dr Mohd Nizam Abdul Kadir (bekas pensyarah UIAM) dan As-Syeikh Mustafa Omar (bekas Kadi Daerah Batu Pahat). Ahli jawatankuasa pertubuhan pula terdiri daripada ahli keluarga Haji Masod Bin Haji Rais yang dipengerusikan oleh pengasas pertubuhan iaitu Haji Arasy Bin Haji Masod. Tujuan utama pertubuhan ini ialah ingin mewujudkan satu institusi pendidikan Islam yang menyasarkan semua golongan masyarakat terutamanya golongan dewasa dan warga emas. Idea tersebut terinspirasi daripada kejayaan Yayasan Al-Jenderami menubuhkan Pondok Al-Jenderami di Dengkil, Selangor yang menarik minat golongan warga emas menuntut ilmu di tempat mereka (Abd. Majid, Abu Bakar, Ismail, & Abd. Razak, 2017). Memikirkan tiada lagi pusat pengajian seumpamanya di selatan tanah air, pihak pertubuhan komited untuk berusaha mewujudkan pusat seumpamanya di Johor.

Aktiviti pertubuhan bermula dengan menganjurkan kelas-kelas agama dengan menyewa rumah kedai di Pekan Parit Bakar, Muar sekitar tahun 2010 hingga 2011. Pemilihan lokasi di daerah Muar adalah kerana cadangan awal tapak madrasah adalah di Kampung Parit Pinang Seribu, Muar. Pertubuhan ini kemudiannya telah mendapat sebidang tanah yang diwakafkan oleh keluarga Haji Muhammad Bin Jantan dan keluarga Haji Abd Razak di Kampung Tasek Alai, Gemerah, Segamat. Disebabkan

lokasi yang sangat strategik di tepi jalan besar, pihak pertubuhan bersetuju memindahkan lokasi madrasah ke Segamat dan telah mula membina sebuah surau untuk aktiviti pengajian pada bulan ramadan 1432 Hijrah. Kemudiannya lapan unit pondok sebagai asrama warga emas telah dibina di atas tanah wakaf tersebut. Madrasah ini diberi nama Madrasah Ibnu Mas'ud dan telah memulakan operasinya pada 17 September 2011.

Seiring dengan berkembangnya aktiviti pertubuhan, ahli jawatankuasa pertubuhan telah dirombak daripada berasaskan keluarga kepada penglibatan orang luar. Golongan professional seperti doktor, peguam, jurutera, pensyarah, ahli perniagaan dan beberapa profesyen lain turut dilantik menganggotai jawatankuasa. Kepelbagaian ini memberi peluang kepada semua untuk menyumbangkan kepakaran masing-masing dalam membangunkan madrasah secara percuma dan sukarela. Langkah ini juga diambil kerana melihat banyak institusi pondok tradisional yang tidak bertahan lama apabila tiada pewaris yang layak untuk mewarisi peninggalan tuan-tuan guru.

PONDOK WARGA EMAS

Antara syarat utama penerimaan kemasukkan warga emas di Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud seperti juga di pondok-pondok lain ialah mereka masuk atas keinginan dan kerelaan sendiri untuk menimba ilmu dan beribadah (Shaffie, 2001) serta syarat kedua, boleh menguruskan diri sendiri. Syarat pertama dikenakan kerana ada segelintir waris yang menghantar warga emas ke pondok kerana tidak mahu menjaga mereka. Sikap seperti ini tidak boleh ditoleransi oleh setiap ahli masyarakat kerana ia akan mengikis nilai prihatin, tanggungjawab dan kasih-sayang dalam masyarakat (Nayan, 2006). Selain itu, kes seperti ini akan menimbulkan masalah apabila warga emas akan merasa terpaksa untuk menjalani aktiviti-aktiviti kerohanian yang dianjurkan selain daripada pengabaian waris yang biasanya akan membiarkan warga emas dengan mengharapkan jagaan sepenuhnya oleh pihak pengurusan madrasah. Syarat kedua berkaitan kemampuan mengurus diri sendiri pula mengambil kira madrasah tidak menyediakan kemudahan penjagaan seperti pusat jagaan orang-orang tua sedia ada dan madrasah sentiasa menegaskan peranan madrasah selaku pusat pengajian.

Cabaran di peringkat awal operasi ialah kurangnya sambutan untuk menghuni di pondok warga emas kerana kurangnya promosi dan usia pondok yang masih terlalu baru. Bermula dengan hanya dua orang penghuni, pihak madrasah bercadang menutup dahulu operasi sehingga ada pertambahan penghuni tetapi dihalang oleh dua orang penghuni tersebut. Salah seorangnya, Hajah Salabiah Binti Ahmad yang berasal dari Felda Palong Timur 1, Segamat, merayu agar jangan menghantar beliau pulang dan jangan tutup pondok kerana beliau ingin sangat terus duduk dan belajar Al-Quran dan belajar agama di pondok. Atas semangat beliau inilah operasi pondok diteruskan walaupun hanya dengan dua orang penghuni.

Penghuni pondok warga emas terdiri daripada ibu-ibu tunggal dengan yang paling muda berusia 53 tahun dan yang paling tua berusia 80 tahun. Jumlah penghuni pondok semakin bertambah setiap tahun. Dengan jumlah 37 pintu pondok warga emas yang boleh memuatkan kapasiti 50 orang penghuni, kini jumlah penghuni telah mencecah 42 orang. Peningkatan penghuni mengikut tahun boleh dirujuk dalam jadual jumlah penghuni di bawah.

Jadual 1: Jadual jumlah penghuni

Tahun	Jumlah Penghuni
2011-2013	16 orang
2013-2015	25 orang
2015-2017	33 orang
2017-2018	42 orang

PEMBANGUNAN FIZIKAL MADRASALH

Madrasah Ibnu Mas'ud digerakkan oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak berorientasikan keuntungan. Dana pembangunan adalah sumbangan derma sepenuhnya daripada para dermawan. Antara kemudahan yang ada di madrasah ialah sebuah surau dua tingkat dengan keluasan 80 x 60 kaki persegi, sebuah pejabat urusan, sebuah kantin, sebuah bilik mesyuarat, sebuah bilik guru dan 4 blok bangunan asrama penginapan atau dikenali sebagai pondok. Kemudahan-kemudahan yang membantu untuk memudahkan penghuni warga emas beribadah sangat penting dan menjadi antara faktor mereka memilih Madrasah Ibnu Mas'ud sebagai destinasi mereka (Abu Bakar, Abd Majid, Abdul Razak, & Ismail, 2016). Pondok penginapan warga emas ini berkeluasan sekitar 16 x 20 kaki persegi yang sangat selesa untuk memuatkan dua orang penghuni. Pondok juga dilengkapi bilik air, bahagian dapur untuk memasak dan ruang tamu untuk berehat. Kemudahan pondok yang selesa, indah dan selamat sangat dititikberatkan untuk mewujudkan suasana yang gembira kepada para penghuni warga emas untuk belajar dan tinggal di pondok.

PENGISIAN PENGAJIAN

Lebih penting daripada pembangunan fizikal ialah pembangunan rohani yang menjadi tunjang utama operasi Madrasah Ibnu Mas'ud. Jadual penghuni pondok warga emas bermula awal pagi apabila mereka dijadualkan untuk bangun qiamullail. Ibadah

sunat ini boleh dilakukan di pondok masing-masing atau di surau. Seminggu sekali akan diadakan qiamullail perdana dengan imam jemputan dari luar untuk memimpin para penghuni pondok bermunajat. Kelas Al-Quran akan bermula pada waktu duha dan setiap warga emas akan belajar dan memperbaiki bacaan Al-Quran mereka bersama para ustazah. Kelas Al-Quran sangat diminati oleh para penghuni kerana inilah antara tujuan utama mereka duduk di pondok iaitu ingin belajar membaca Al-Quran.

Seterusnya, pada jam sebelas pagi, mereka akan mengikuti kelas agama yang dikenali sebagai Kelas Jam Sebelas. Kelas ini banyak membicarakan perkara-perkara fardu ain merangkumi asas-asas akidah, fekah ibadah, hadis dan tasauf. Antara kitab yang dijadikan rujukan ialah Kitab Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Kitab Munyatul Musolli, Kitab Hadis Empat Puluh Imam Nawawi, dan Kitab Penawar Bagi Hati. Kelas Jam Sebelas ini akan dihadiri juga oleh para penuntut dari sekitar Segamat yang menjadikan suasana madrasah lebih meriah dengan ada yang mengambil kesempatan untuk berniaga.

Kuliah agama seterusnya ialah selepas solat Isyak yang dikenali sebagai kuliah umum. Kuliah umum ini lebih melebar perbahasannya kerana tidak hanya membincangkan bab fardu ain. Pelbagai cabang lain dibahaskan seperti ilmu fekah muamalat, faraid, tafsir Al-Quran, hadis, sirah nabawiah dan lain-lain lagi. Antara kitab yang digunakan ialah Tafsir Ibnu Kasir, Al-Azkar An-Nawawi, Ar-Rahiq Makhtum, Fatawa Muasirah, Kabair Az-Zahabi dan lain-lain lagi. Tujuannya supaya golongan warga emas ini lebih terbuka kepada keluasan perbincangan ilmu dalam Islam dan tidak hanya memfokuskan kepada perkara fardu ain yang telah dipelajari sejak kecil. Di setiap akhir kuliah, pasti akan ada yang bertanya sekiranya ustaz yang mengajar membuka ruang untuk soal-jawab. Ini menunjukkan bahawa walaupun perbincangan kuliah agak tinggi, tetapi masih dapat menarik minat para penuntut warga emas ini.

Selain daripada aktiviti rutin kelas Al-Quran, kelas fardu ain, kuliah umum, amalan zikir dan qiamullail, pihak madrasah turut menganjurkan majlis-majlis sempena hari kebesaran Islam seperti sambutan Maulidurrasul dalam bentuk karnival. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti pemeriksaan kesihatan, pameran-pameran dan gerai-gerai jualan turut diadakan. Tidak ketinggalan juga aktiviti kesenian Islam untuk mempelbagaikan lagi program dakwah bagi meraikan minat dan kecenderungan individu.

Antara yang paling istimewa ialah ketika bulan Ramadan. Madrasah mengambil konsep jadal beribadah di tanah suci untuk memanfaatkan bulan ibadah tersebut. Solat sunat tarawih 20 rakaat dan qiamullail berjemaah akan diadakan setiap malam dengan imam jemputan daripada luar negara. Daurah kitab dan tadarus juga diadakan pada sebelah siang menjadikan jadual para penghuni benar-benar padat. Keseronokkan mereka sehingga ada yang tidak mahu balik untuk bercuti hari raya bersama keluarga. Ada yang akan menunggu selepas solat hari raya baru mereka akan pulang untuk menyambut syawal bersama keluarga.

MENERAJUI KEHIDUPAN YANG BERKUALITI

Kualiti hidup yang baik bergantung kepada beberapa faktor termasuklah etnik, pendidikan, pendapatan, tempat tinggal, aktiviti fizikal dan kesihatan (Siop, 2008). Dalam mengharungi usia yang lanjut, selain aspek fizikal, kesihatan tubuh badan dan kewangan, faktor emosi dan spiritual juga sangat penting untuk diambil berat. Melalui pemerhatian kajian ini, penghuni pondok didapati mengecapi kualiti kehidupan yang baik melalui suasana kehidupan yang bermotivasi, perasaan selamat dan tenteram, ikatan kekeluargaan yang sentiasa utuh, perhubungan sosial yang sihat dan aktiviti santai yang mendorong warga emas untuk kekal aktif.

Motivasi Kehidupan

Hidup di penghujung usia menyebabkan segelintir warga emas merasa putus harap dan bosan untuk meneruskan kehidupan sehinggakan ada yang sensitif apabila dikaitkan dengan perkataan 'tua' dan lebih selesa digelar warga emas, senior atau veteran (Syed Ali, 2012).

Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud hadir dalam membantu para penghuninya untuk terus bermotivasi memaksimumkan baki usia mereka. Setelah berpenat-lelah membesarkan anak-anak, baki modal usia inilah yang perlu dimanfaatkan sebaiknya supaya mereka dapat menyediakan bekalan untuk kehidupan mereka yang kekal di alam akhirat. Ada penghuni yang berpendapat beliau sudah cukup memberi pendidikan kepada anak-anak, sekarang masa untuk beliau gunakan sebaiknya untuk diri beliau sendiri (Siren, 2015). Semakin mereka belajar, semakin banyak ilmu yang mereka dapat dan semakin banyak rupanya amalan yang perlu mereka buat. Ada di antara mereka yang menggunakan peluang di pondok untuk melunaskan hutang-hutang mereka dengan Yang Maha Pencipta seperti solat-solat fardu dan puasa-puasa fardu yang ditinggalkan ketika muda. Semua ini memotivasikan mereka untuk terus menjalani kehidupan dengan lebih baik lagi.

Selain itu, aktiviti pengajian yang diikuti juga adalah selaras dengan salah satu strategi Dasar Warga Emas Negara iaitu 'Pembelajaran Sepanjang Hayat' yang boleh membangunkan dan memaksimumkan potensi diri mereka walaupun di penghujung usia (N. Ibrahim et al., 2011)

Rasa Selamat

Majoriti dari kalangan penghuni pondok merupakan warga emas yang tinggal bersendirian di rumah sebelum mereka menghuni pondok atas faktor anak-anak yang tinggal dan bekerja di tempat lain. Ada yang datang dari kampung tradisional, penempatan felda dan taman perumahan. Apabila menghuni pondok, golongan warga emas ini merasa selamat kerana kawasan madrasah yang berpagar dan pondok-pondok yang berdekatan antara satu sama lain. Selain itu, kawasan madrasah juga sentiasa meriah dengan kehadiran jemaah dari luar yang menyertai kelas-kelas pengajian yang dianjurkan. Untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan, madrasah juga bekerjasama dengan pasukan keselamatan yang membuat rondaan berkala melalui kereta peronda mereka. Ini adalah selaras dengan strategi yang digariskan dalam Dasar Warga Emas Negara yang menekankan isu keselamatan dan perlindungan kepada warga emas (N. Ibrahim et al., 2011)

Ikatan Kekeluargaan

Hubungan kekeluargaan pastinya tidak akan berkurang walaupun si ibu tinggal jauh dari anak-anak dan ahli keluarga. Norma masyarakat kita menganggap menjaga ibu bapa adalah menjadi tanggungjawab anak-anak (Nawi, Voo, & Kiyah, 2016) sehingga ada yang memadamkan sinis anak-anak yang menghantar ibu bapa mereka ke pondok seolah-olah mereka mengelak daripada menjaga ibu bapa mereka (Sooryanarayana, Wan Yuen, & Hairi, 2017). Realitinya hubungan kekeluargaan tetap utuh walaupun ibu bapa mereka tidak tinggal bersama. Pihak madrasah sangat menekankan kepentingan anak-anak berkhidmat kepada ibu mereka walaupun ibu mereka tinggal di pondok. Waris bebas untuk menziarahi ibu mereka pada bila-bila masa dengan pelbagai kemudahan yang disediakan seperti pondok-pondok rehat untuk mereka makan atau rehat bersama bagi warga emas yang duduk pondok berkongsi dengan rakan. Bagi warga emas yang duduk berseorangan sebilik, waris dibenarkan masuk ke pondok dengan syarat menjaga keharmonian dan tidak mengganggu jiran berhampiran. Selain itu, pihak madrasah turut menyediakan kemudahan bilik inap bagi waris yang berhajat bermalam di madrasah dan bersama-sama menghadiri kuliah-kuliah dan aktiviti kerohanian yang dijalankan di madrasah seperti berqiamullail. Ada juga waris yang beraya di madrasah bersama ibu mereka terutama semasa Hari Raya Korban untuk turut sama-sama merasai kemeriahan sambutan di madrasah. Ini membuktikan bahawa ahli keluarga terutamanya anak-anak adalah 'teras sokongan' kasih sayang terhadap golongan warga emas (Md Nor & Ghazali, 2016) walaupun mereka hidup dalam kalangan komuniti mereka di pondok.

Perhubungan Sosial

Untuk menjamin kehidupan warga emas yang ceria dan sejahtera, hubungan sosial memainkan peranan yang penting (Wan Ahmad, 1994). Berkawan pastinya sangat penting untuk menjaga motivasi warga emas dan mengelakkan kesepian. Sehingga kini, bilangan penghuni pondok berjumlah 42 orang. Mereka terdiri dari pelbagai latarbelakang pendidikan dan kerjaya sebelum ini. Malah ada juga yang merupakan warganegara jiran yang datang dari Singapura. Komuniti kecil ini ditambah pula dengan kehadiran rakan-rakan sekitar daerah Segamat yang hadir mengikuti kuliah-kuliah agama bersama-sama mereka setiap hari sekitar 100 orang jemaah. Kepelbagaian ini memberi ruang kepada para penghuni pondok untuk membina perhubungan persahabatan sesama mereka. Kehidupan di pondok dapat mencegah mereka daripada kemurungan sekiranya duduk bersendirian tanpa teman seperti yang banyak berlaku dalam masyarakat.

Aktiviti Santai

Walaupun aktiviti-aktiviti di pondok sangat padat, namun pihak pengurusan tidak pernah memaksa para penghuni untuk menyertai semua aktiviti. Kelonggaran diberikan kepada para penghuni yang mengalami masalah kesihatan atau keletihan. Mereka hanya perlu menyertai aktiviti mengikut kadar kemampuan mereka. Selain itu, pihak pengurusan juga menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bersifat santai untuk mengisi masa senggang para penghuni pondok seperti aktiviti bercucuk tanam di persekitaran pondok. Ada juga dianjurkan pertandingan-pertandingan seperti pertandingan kebersihan dan keceriaan antara pondok, pertandingan gubahan bunga dan pertandingan memasak. Para penghuni juga dibawa untuk lawatan ke tempat-tempat menarik selain menziarahi pondok-pondok warga emas yang lain untuk melihat bagaimana pondok-pondok lain yang ada di dalam negara ini beroperasi. Aktiviti-aktiviti ini adalah bagi menyahut saranan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamad supaya warga emas kekal aktif untuk bukan sahaja menjamin kesihatan fizikal malah kesihatan minda (A. Ibrahim, 2018).

KONKLUSI DAN PENUTUP

Daripada kajian ini, dapat disimpulkan bahawa Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud ini telah dapat memenuhi keperluan emosi dan spiritual penghuni warga emasnya untuk mengecapi kehidupan yang lebih berkualiti di usia emas mereka. Pondok berjaya mewujudkan suasana kehidupan yang bermotivasi, perasaan selamat dan tenteram, ikatan kekeluargaan yang sentiasa utuh, perhubungan sosial yang sihat dan aktiviti santai yang mendorong warga emas untuk kekal aktif. Oleh yang demikian, masyarakat dan kerajaan perlu memberikan sokongan terutamanya dari sudut kewangan dan latihan kepada intitusi-intitusi seperti ini supaya boleh terus berkembang untuk memberi khidmat kepada golongan warga emas di Malaysia.

REFERENCES

- Abbas, M. Y., & Saruwono, M. (2012). Our "Golden" Citizens with "Golden" Facilities? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 49, 127–146. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.07.012>
- Abd. Majid, M., Abu Bakar, S., Ismail, S., & Abd. Razak, Z. (2017). Program Pendidikan Warga Emas di Institusi Pondok Al-Jenderami Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor*, 1(1).
- Abu Bakar, S., Abd Majid, M., Abdul Razak, A. Z., & Ismail, S. (2016). Faktor Pemilihan Pondok oleh Warga Emas: Kajian di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan. *JURNAL PENGAJIAN ISLAM*, 9(II), 1–23.
- Bernama. (2018, February 2). Populasi warga tua dijangka meningkat kepada 5.6 juta menjelang 2030. *Astro Awani*. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/populasi-warga-tua-dijangka-meningkat-kepada-5-6-juta-menjelang-2030-167161>
- Ibrahim, A. (2018). PM Ingatkan Warga Emas Kekal Aktif. *Utusan Online*.
- Ibrahim, N., Mat Saad, Z., & Ahmad Ramly, F. Z. (2011). Keberkesanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah Dasar Warga Emas Negara. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 19(3), 87–100.
- Md Nor, N. N. F., & Ghazali, S. (2016). Peranan Anak Lelaki Sebagai Penjaga Utama Warga Tua Melayu di Luar Peranan Anak Lelaki Sebagai Penjaga Utama Warga Tua Melayu di Luar Bandar : Kajian Kes di Daerah Jerantut , Pahang. *Geografi*, 4(1), 25–34.

- Mohamad Rawi, M., Baharudin, H., Lubis, M. A., & Romli, S. A. (2015). Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *Proceeding the 7th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)*, (May), 1–15. <http://doi.org/10.1186/s12864-018-5094-y>
- Nawi, N. H. binti, Voo, P. H. M. A. M. D. A. M. G. C. H. I. P., & Kiyah, W. (2016). Intergenerasi, Sokongan Psikologi dan Sosial Penjagaan Warga Tua dalam Pelbagai Etnik di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal*, 4, 24–34.
- Nayan, S. (2006). Keprihatinan yang Luntur Terhadap Warga Emas. *Jurnal Intelek*.
- Shaffie, F. (2001). Institusi Pondok di Malaysia Satu Sorotan dari Perspektif Sejarah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 2, 116–132.
- Siop, S. A. J. (2008). *Disability and Quality of Life of Non-Institutionalized Older Malaysians*. Universiti Putra Malaysia.
- Siren, N. R. (2015). Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami. *Jurnal Usuludin*, 41, 73–93.
- Sooryanarayana, R., Wan Yuen, C., & Hairi, N. N. (2017). Alone and Lonely: A Case Report on Elder Abuse in Malaysia. *Journal of the American Medical Directors Association*. <http://doi.org/10.1016/j.jamda.2017.01.018>
- Syed Ali, S. R. (2012). *Pengaruh Faktor Peribadi, Sokongan Sosial, Tahap Kesihatan dan Agama Ke Atas Warga Tua Produktif*. Universiti Utara Malaysia.
- Wan Ahmad, W. I. (1994). *Hubungan Sosial, Sokongan, Dan Kesejahteraan Warga Tua: Satu Kajian di Pedesaan Kelantan* Wan Ibrahim Bin Wan Ahmad.